

CNS1392

U CB 20-08 00138 BH118

aab

LEAD Mahathir - Gorbachev (Dgn intro baru) '''

SHAH ALAM, 20 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Carat sedikit sebanyak bertanggungjawab atas penyingkiran Presiden Gorbachev kerana mereka gagal memberi sokongan penuh kepada perubahannya yang dilakukan oleh pemimpin Soviet itu.

+Pada satu tahap, Carat patut dipersalahkan kerana mereka lebih mahukan apa yang mereka panggil demokrasi, daripada membantu Soviet Union mendapat manfaat sistem pasaran bebas, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sistem pasaran bebas tidak mudah dilaksanakan terutama bagi Soviet Union, yang telah berada di bawah pemerintahan komunis lebih 70 tahun.

Katanya Soviet Union pasti menghadapi masalah dalam bidang ini kerana mereka tidak mempunyai modal, kepakaran, pengurusan dan usahawan.--Lagi

♥20/08/18-23MST

CNS1393

u CB 20-08 00132 BH119

aab

LEAD Mahathir - Gorbachev 2 Shah Alam

+Setiap orang berminat hanya mengambil sebanyak-banyaknya dari Russia bukan membantu memulihkan ekonominya.

+Oleh kerana ekonomi telah gagal di bawah sistem sekarang, ini memberi peluang dan alasan kepada pihak konservatif dan pelampau untuk berkuasa semula kerana kewibawaan Gorbachev sudah tidak ada, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kuasa-kuasa Barat lebih berminat mengenakan pelbagai undang-undang bagi menggantikan sistem komunis, daripada menolong Soviet Union manakala Gorbachev sendiri merendahkan diri untuk cuba mengadakan hubungan rapat dengan mereka.

Memndangkan sambutan dingin Barat kepada Gorbachev, pihak di Soviet keciwa dan ini membawa kepada rampasan kuasa, katanya.

+Memandangkan Gorbachev begitu berani untuk menghapuskan sistem komunis, kuasa-kuasa Barat sepatutnya memberi bantuan penuh kepada Soviet Union, kata Perdana Menteri, --Lagi

♥20/08/18-24MST

U CB 20-03 00143 BH130

aab

Lead Mahathir - Gorbachev 4 Shah Alam (sambungan berita)

Sernentara itu, Duta Besar Soviet Union A.I. Khmel'nitski bertemu dengan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi di Wisma Putra untuk menerangkan per-kembangan dinegaranya.

Datuk Abdullah memberitahu pemberita selepas perjumpaan 45 minit itu bahawa Malaysia akan terus mengikuti dengan teliti. +supaya kita dapat, jika perlu, membuat apa-apa penyesuaian dalam dasar hubungan kita dengan mereka.+

Katanya, buat masaini belum ada perubahan dalam dasar hubungan dua-hala kedua-dua negara dan hubungan diplomatik adalah seperti biasa.

Datuk Abdullah berkatn kedutaan Malaysia di Moscow telah menghubungi Wisma Putra, untuk memberitahu bahawa keadaan di sana tidak begitu mencemaskan kerana, walaupun kereta kebal kelihatan di merata tempat, keselamatan pegawai-pegawai Malaysia dan ahli keluarga mereka tidak terganggu.

Selepas perjumpaan itu, Kuasa Usaha Kedutaan Mexico, Jorge Dornínguez menyampaikan surat tauliahnya kepada Datuk Abdullah. -- Bernama

♥20/08/18 23MST